

## SOALAN LAZIM ZAKAT EMAS

- 1) Apakah definisi zakat dan jenis-jenisnya?
  - Zakat merupakan salah satu rukun islam dan ia diwajibkan ke atas harta tertentu dan diagihkan kepada lapan asnaf mengikut kadar yang ditetapkan oleh syarak. Jenis- jenis zakat terbahagi kepada zakat simpanan, zakat emas, zakat pertanian, zakat ternakan dan lain-lain \*termasuk apa yang disebutkan oleh sebahagian ulama sebagai zakat pendapatan\*.
  
- 2) Apakah perbezaan di antara zakat emas & zakat wang simpanan?
  - Zakat emas ialah zakat yang dikenakan ke atas emas tulen sama ada dalam bentuk jongkong, bijih, wang, perkakas atau perhiasan rumah serta barang - barang kemas atau perhiasan seperti cincin, gelang, rantai dan seumpama dengannya. Zakat emas yang dikeluarkan bergantung pada emas yang dipakai ataupun yang disimpan sama ada disimpan di dalam akaun atau lain-lain yang mana telah cukup nisab dan haulnya
  - Zakat wang simpanan ialah zakat yang dikenakan ke atas wang yang disimpan di dalam akaun simpanan dan akaun semasa di dalam bank atau lain- lain institusi kewangan.
  
- 3) Apakah kemudahan Muamalat Emas-i yang ditawarkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)?
  - BMMB menyediakan dua jenis kemudahan pembelian emas Muamalat Emas-i iaitu Muamalat Emas-i- Fizikal dan Muamalat Emas-i - Akaun Emas
  
- 4) Apakah kemudahan Muamalat Emas-i- Akaun Emas di BMMB?
  - Akaun Emas ini membolehkan pelanggan untuk membeli emas daripada pihak Bank (sebagai wakil pihak penjual kepada pembekal emas) dan membenarkan pihak Bank untuk menyimpan emas tersebut. Transaksi ini boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah perbankan seperti melalui kaunter, melalui sistem atas talian, ataupun melalui arahan pembayaran tetap secara berkala.
  - Para pelanggan boleh menjual emas melalui Akaun Emas masing-masing dan juga menukarkan Akaun Emas ke dalam bentuk fizikal.

Selain itu pelanggan juga dibenarkan untuk memindah-milik emas (hadiah) kepada akaun emas milik pelanggan yang lain.

- Pelanggan dikehendaki untuk mengekalkan atau membuka akaun semasa atau simpanan untuk memudahkan transaksi pembelian atau penebusan emas.. Akaun Simpanan dan Semasa pelanggan akan didebitkan dengan serta-merta atas transaksi pembelian dan akan dikreditkan dengan serta-merta bagi mana-mana transaksi jualan. Pembelian atau penebusan secara tunai tidak dibenarkan.

5) Apakah kemudahan Muamalat Emas-i- Fizikal di BMMB?

- Muamalat Emas-i (ME-i) Fizikal adalah produk emas patuh Syariah yang memberi peluang kepada pelanggan untuk menyertai pasaran komoditi logam bernilai. Pulangan anda adalah melalui kenaikan harga modal emas daripada pembelian awal anda.

6) Adakah Muamalat Emas-i - Akaun Emas dan Fizikal termasuk dalam perkhidmatan Ez-Zakat Muamalat Emas-i?

- Ya, perkhidmatan Ez-Zakat Muamalat Emas-i disediakan untuk Muamalat Emas-i Akaun Emas dan potongan zakat dibuat secara automatik
- Tidak, perkhidmatan Ez-Zakat Muamalat Emas-i tidak ditawarkan untuk emas fizikal.

7) Adakah Akaun Emas dikategorikan sebagai harta yang diwajibkan zakat?

- Ya. Akaun Emas dikategorikan sebagai harta yang diwajibkan zakat jika cukup syarat

8) Adakah emas yang disimpan di dalam Bank perlu dizakatkan?

- Ya, wajib dizakatkan dan dikira sebagai emas yang disimpan

9) Bagaimanakah cara kiraan zakat emas yang digunakan oleh BMMB?

- BMMB menggunakan cara pengiraan zakat yang diluluskan oleh Majlis Agama Islam Negeri/ Pusat Zakat Negeri

10) Berapakah kadar peratus yang digunakan oleh BMMB bagi potongan zakat?

- Kadar peratusan yang digunakan adalah sebanyak 2.5% menggunakan haul tahun Masihi iaitu sebanyak 365 hari.

11) Berapakah dan bagaimanakah penentuan harga semasa bagi 1 gram emas?

- Ia tertakluk kepada praktis Majlis Agama Islam Negeri/ Pusat Zakat Negeri
- Terdapat tiga praktis cara penentuan harga semasa emas. Pertama, harga semasa emas ditentukan oleh Majlis Agama Islam dan ia adalah tetap bagi tempoh setahun. Kedua, harga semasa emas ditentukan berdasarkan harga pasaran semasa dan berubah setiap hari. Ketiga, harga semasa emas adalah hasil bahagi di antara jumlah nisab semasa dengan 85gram.

12) Adakah harga semasa emas akan berubah setiap hari?

- Tertakluk kepada praktis Majlis Agama Islam Negeri/ Pusat Zakat Negeri

13) Berapakah kadar *nisab* zakat emas Ez – Zakat Muamalat Emas-i?

- Kadar *nisab* zakat emas adalah 85 gram emas.

14) Apakah yang dimaksudkan dengan *haul* dan *nisab*?

- Haul bermaksud telah berlalu satu tahun ke atas harta yang dimiliki dalam perkiraan tahun Hijrah iaitu selama 354 hari atau mengikut tahun Masihi iaitu selama 365 hari.
- Nisab adalah paras minimum yang menentukan sama ada wajib atau tidak sesuatu harta itu dikeluarkan zakat.

15) Bagaimanakah caranya jika saya ingin membuat potongan zakat emas Ez-Zakat Muamalat Emas-i?

- Bagi pelanggan yang sudah mempunyai Akaun Emas i-Muamalat, boleh terus ke cawangan BMMB yang berhampiran untuk mengaktifkan Ez-Zakat Muamalat Emas-i.

16) Adakah potongan zakat emas Ez-Zakat Muamalat Emas-i akan dipotong secara automatik bagi pelanggan BMMB?

- Ya. Ia hanya boleh dilaksanakan sekiranya pelanggan mengaktifkan Ez- Zakat Muamalat Emas-i dan telah memenuhi syarat-syarat wajib zakat.

17) Bagaimanakah caranya jika saya ingin membatalkan/menamatkan potongan zakat emas saya?

- Pelanggan boleh terus ke cawangan Bank Muamalat berhampiran untuk membatalkannya.

18) Bilakah bermulanya potongan zakat emas BMMB?

- Tertakluk kepada praktis Majlis Agama Islam Negeri/ Pusat Zakat Negeri, potongan akan bermula apabila cukup haul dan nisab

19) Adakah pembayar zakat layak mendapat rebat cukai?

- Ya. Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 Seksyen 6A (3) menyatakan : Rebate hendaklah diberikan pada tahun taksiran untuk sebarang bayaran zakat fitrah atau lain-lain tuntutan agama Islam yang mana pembayaran wajib, dan yang telah dibayar dalam tahun asas bagi tahun taksiran itu, dan dibuktikan oleh resit yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama yang berkenaan yang ditubuhkan mengikut undang-undang bertulis.

20) Bagaimanakah sekiranya saya ingin mendapatkan resit pembayaran zakat?

- Resit pembayaran zakat akan dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri/ Pusat Zakat Negeri selepas pemotongan zakat dibuat pada tahun tersebut. Resit akan dikeluarkan di portal Majlis Agama Islam Negeri/ Pusat Zakat Negeri atau akan dikirimkan ke alamat pelanggan. Sekiranya terdapat kesilapan atau pelanggan tidak mendapat resit rasmi pembayaran, pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi Majlis Agama Islam Negeri/Pusat Zakat Negeri berkenaan

21) Adakah akaun kanak-kanak yang belum baligh wajib dibayar zakat?

- Ya. Kewajipan zakat berdasarkan harta yang cukup *haul* dan *nisabnya*. Tidak mengikut umur pemegang akaun.

22) Adakah perkhidmatan Ez-Zakat Muamalat Emas-i ini disediakan kepada pelanggan yang mempunyai akaun bersama?

- Tidak.

\* Untuk maklumat lanjut, sila hubungi khidmat pelanggan Majlis Agama Islam Negeri/ Pusat Zakat Negeri atau talian Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat 03-2600 5500